



Along rekrut 'keldai muda' RM50

Remaja diupah untuk pasang iklan pinjaman wang haram

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

Mengupah remaja sebagai 'keldai' dengan bayaran RM50 untuk memasang iklan pinjaman wang secara haram.

Itu antara taktik syarikat pinjaman wang tidak berlesen atau along yang dikesan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) apabila trend pemasangan iklan haram didapati semakin meningkat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 lalu.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Sahrul Nizam Ahmad berkata, tugas menurunkan iklan haram itu merupakan antara aktiviti pihak berkuasa tempatan itu.

Menurutnya, terdapat beberapa kaw-

“

Kebiasaannya pemasangan iklan haram ini dilakukan sendirian atau dua orang dengan menaiki kereta.”

- Sahrul Nizam

san tumpuan iklan dipasang dan aktiviti itu aktif menjelang sambutan seperti Krismas, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri.

“Syarikat peminjam wang ini dipercayai mengupah remaja dengan bayaran serendah RM50 bergantung jumlah iklan yang dipasang dan kawasan terlibat.

“Berdasarkan soal siasat remaja yang pernah ditahan, mereka mendakwa tidak mengetahui siapa dalangnya dan hanya

diberi upah untuk melakukan kerja terbabit. “Kebiasaannya pemasangan iklan haram ini dilakukan sendirian atau dua orang dengan menaiki kereta,” katanya secara eksklusif kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, MBSA percaya upah yang diberi juga berbeza, bergantung kepada syarikat pinjaman wang yang terlibat.

Katanya, soal siasat awal juga mendapati pemasangan iklan haram aktif pada waktu tengah malam hingga awal pagi.

“Ada kita kesan di mana lokasi yang telah dibersihkan, dua hari kemudian dipasang semula dan kita percaya mereka ini anggap ia tidak merugikan.

“Sebab itu mereka berani upah lepasan sekolah yang mahu wang tambahan untuk buat kerja-kerja salah ini,” katanya.

Sahrul Nizam berkata, iklan haram kebiasaannya akan diletakkan di tiang lampu selain pada pokok milik penduduk dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Kita percaya iklan haram melibatkan pinjaman along ada unsur *gangster*,” katanya.

Beliau berkata, selain iklan along, MBSA turut mengesan hebahan berkaitan perumahan, produk perniagaan, penunjuk arah majlis perkahwinan dan tawaran perkhidmatan urut.

“Bila sebut rumah urut ini pasti timbul perspektif negatif kerana ia berselindung di sebalik nama tradisional dan refleksiologi.

“Bagaimanapun di Shah Alam premis rumah urut sangat terkawal kerana kita bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam membanteras premis yang menjalankan perkhidmatan ini tanpa kelulusan, termasuk premis yang menawarkan aktiviti tidak bermoral.

“Di Shah Alam, iklan haram memang kebanyakannya berkaitan iklan along,” katanya.

OPERASI DILAKSANAKAN OLEH MBSA

TINDAKAN

- Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2007

STATISTIK TAHUN 2022

- 918 operasi
- 31,912 iklan termasuk 24,379 iklan along

TAHUN 2023 (JANUARI-JUN)

- 512 operasi
- 16,940 iklan termasuk 11,783 iklan along



Penguatkuasa MBSA menurunkan iklan haram berupa gegantung yang kebiasaannya akan diletakkan pada tiang lampu dan pokok.

